

RESPONS MURID TAHUN LIMA TERHADAP PROGRAM NILAM DI DAERAH BENTONG

JOHARI BIN SIDEK

PROJEK SARJANA DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2009



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun




ptbupsi

ii

PENGAKUAN

Saya mengaku kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

18 Oktober 2009


JOHARI BIN SIDEK
M20072000594



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayah-NYA dapat juga kertas projek ini disempurnakan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya hulurkan kepada Dr. Idris b. Mohd. Radzi selaku penasihat akademik dan juga penyelia projek ini yang telah menggembelingkan tenaga tanpa mengira masa dan penat lelah dalam berkongsi buah fikiran dan juga memberikan bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan dorongan yang sangat besar maknanya kepada saya dalam usaha menyempurnakan kertas projek ini. Kesabaran, kesungguhan dan komitmen yang beliau telah tunjukkan amat saya kagumi.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Institut Pengajian Siswazah dan juga barisan tenaga pengajar Universiti Pendidikan Sultan Idris, khususnya para pensyarah di Fakulti Bahasa. Ucapan terima kasih juga saya panjangkan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri Pahang, Pejabat Pelajaran Daerah Bentong, Pusat Kegiatan Guru Karak, semua Guru Besar serta semua Guru Media dan juga murid-murid yang terlibat di empat buah sekolah atas kerjasama yang diberikan bagi tujuan menjayakan kajian ini.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi

Saya juga turut mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu demi menjulang cita-cita bersama. Rakaman terima kasih juga buat barisan pentadbir, rakan-rakan sejawat dan anak-anak didik Sekolah Kebangsaan Karak yang begitu memahami dan sentiasa memberikan galakan kepada saya dalam menuntut ilmu dan menyiapkan kertas projek ini.

Akhir sekali, buat isteri serta anak-anak yang tersayang; Puan Rusni binti Shariff, Muhammad Harith bin Johari, Siti Nurhusna binti Johari, dan Siti Nurhanis binti Johari yang telah banyak berkorban masa dan juga sentiasa mendoakan kejayaan saya. Tidak lupa buat keluarga kedua-dua pihak yang memahami dan menyokong perjuangan ini.

Sesungguhnya, segala kekurangan dan kelemahan itu datangnya daripada diri saya kerana sesuatu yang sempurna itu milik Allah S.W.T sahaja. Semoga Allah S.W.T membalas budi baik kalian.

Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

Kajian ini diusahakan untuk mengkaji keberkesanan Program Nilam yang dilaksanakan di sekolah rendah. Kajian yang dijalankan ini adalah kajian tinjauan. Kajian ini dijalankan di empat buah sekolah rendah. Bagi tujuan mendapatkan persampelan, sebanyak 120 orang murid Tahun Lima telah dikenal pasti bagi tujuan tersebut. Sampel-sampel berkenaan terdiri daripada taburan komposisi jantina yang seimbang. Sampel-sampel tersebut juga mewakili tiga kumpulan belajar yang utama, iaitu potensi, sederhana dan cemerlang. Soalan-soalan kajian yang diutarakan berhubung demografi sampel sebagai pemboleh ubah. Seterusnya, soalan-soalan kajian meninjau genre bacaan yang sering dimanfaatkan oleh kumpulan sampel. Selain itu, soalan kajian juga mencakupi ruang lingkup kesahaman sampel terhadap pelaksanaan Program Nilam yang dilaksanakan di sekolah. Selain itu, penglibatan murid terhadap pelaksanaan program tersebut sama ada di sekolah atau pada masa senggang turut disoal. Bagi meninjau keberkesanan program tersebut, impak pelaksanaannya turut diberikan perhatian turut dimuatkan dalam soalan kajian. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai alat kajian. Perisian SPSS v.12 diguna pakai bagi usaha-usaha menganalisis dan menginterpretasi data. Pengkaji menggunakan kaedah Ujian Rujuk Silang dan Ujian Khai Kuasa Dua bagi mengkaji perbezaan dua pemboleh ubah. Bagi data yang mempunyai lebih dua pemboleh ubah, pengkaji menggunakan Ujian Statistik ANOVA Sehala dan Ujian Post Hoc (Turkey's-b) untuk mencari perbezaan. Kajian ini mendapat bilangan murid-murid di Bandar lebih tinggi memanfaatkan buku-buku Nilam. Begitu juga perbezaan jantina, iaitu murid perempuan lebih banyak membaca berbanding murid lelaki. Seterusnya, murid-murid yang berada dalam kumpulan cemerlang membaca lebih banyak berbanding mereka yang berada dalam kumpulan sederhana dan potensi.



ABSTRACTS

This research is done to determine effectiveness of ‘Program Nilam’ which is at primary schools. This survey research is based on the local case study. The subject for this study comprised 120 Year Five pupils from four different schools. The subject involved the population of sex and the three major group of study which are from the potential, average and excellent group. The questionnaires used are related to the demography and the genre that the subject often read as the variables. Beside, the questionnaires also comprises of the understanding of the subject on the ‘Program Nilam’ carried out at schools. On the other hand, the involvement of the subject in the programmed either at school or during leisure time. To determine the effectiveness of the programmed, the impact of the programmed is being observed. This research used the questionnaires as the instrument. SSPS v.12 software is used to analyze and interpret the data. Researcher used the Cross-tabling Test and Chi-square Pearson Test to find differences in the variables. For the data that has more than two variables, researcher used ANOVA’s Statistical Test and Post Hoc Test (Turkey’s-b) to find out the differences. This research shows that pupils who learned in the urban area had read more the Nilam’s books. It is also the same with the girls and excellent pupils.

KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB 1**PENDAHULUAN**

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	2
1.3	Objektif Kajian	2
1.4	Soalan Kajian	3
1.5	Kepentingan Kajian	4
1.6	Batasan Kajian	5
1.7	Definisi Operasional	6
1.7.1	Respons	6
1.7.2	Guru Pelaksana	6
1.7.3	Tahap Jauhari	6
1.7.4	Tahap Rakan Pembaca	7
1.7.5	Kefahaman	7
1.7.6	Membaca	7
1.7.7	Kefahaman Membaca	8
1.8	Rumusan	8

BAB 2**KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	9
2.2	Konsep dan Pelaksanaan Program Nilam	10

2.3	Pengertian Membaca	20
2.3.1	Kepentingan Membaca	21
2.3.2	Pembacaan Ekstensif	22
2.3.3	Konsep dan Pelaksanaan Program Membaca	25
2.4	Kajian Yang Berkaitan dengan Program Nilam	27
2.5	Rumusan	35

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	36
3.2	Reka Bentuk Kajian	36
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	37
3.4	Instrumen Kajian	38
3.5	Kajian Rintis	41
3.6	Pengumpulan Data	41
3.7	Analisis Data	42
3.8	Rumusan	43

BAB 4 ANALISIS DAN INTERPRETASI DATA

4.1	Pengenalan	44
4.2	Latar Belakang Sampel	44
4.3	Analisis Dapatan Kajian	44
4.3.1	Murid-murid memanfaatkan buku-buku Nilam di sekolah	47
4.3.2	Kefahaman murid terhadap pelaksanaan Program Nilam di sekolah	60
4.3.3	Penglibatan murid dalam menjayakan Program Nilam di sekolah	64
4.3.4	Implikasi Program Nilam terhadap amalan membaca dalam kalangan murid	74
4.4	Kesimpulan Dapatan	78

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	80
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	80
5.3	Kesimpulan	83
5.4	Implikasi Kajian	83
5.5	Cadangan Kajian Lanjut	84
5.6	Penutup	85

SENARAI RUJUKAN	87
LAMPIRAN	90
A	Borang soal selidik
B	Surat Pengenalan Diri daripada Institut Pengajian Siswazah, Universiti Pendidikan Sultan Idris
C	Surat Kebenaran menjalankan kajian daripada Pejabat Pelajaran Bentong
D	Surat-surat Memohon Kebenaran Bagi Menjalankan Penyelidikan di sekolah-sekolah terlibat
E	Jadual-jadual data yang dianalisis menggunakan Perisian SPSS v.12

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat	
2.1	Tahap pembacaan buku di sekolah rendah	19
2.2	Pengiktirafan Tahap Jauhari di sekolah rendah	20
2.3	Pengiktirafan Rakan Pembaca	21
4.1	Taburan responden mengikut lokasi sekolah dan Jantina	45
4.2	Taburan responden mengikut kumpulan belajar dan jantina	46
4.3	Jadual rujuk silang pembacaan buku teks/rujukan berdasarkan jantina	47
4.4	Jadual rujuk silang pembacaan buku agama berdasarkan jantina	48
4.5	Jadual rujuk silang pembacaan ensiklopedia berdasarkan jantina	49
4.6	Jadual rujuk silang pembacaan novel berdasarkan jantina	50
4.7	Jadual rujuk silang pembacaan buku sukan berdasarkan jantina	50
4.8	Jadual rujuk silang pembacaan majalah berdasarkan jantina	51
4.9	Jadual rujuk silang pembacaan akhbar berdasarkan jantina	52
4.10	Jadual rujuk silang pembacaan buku cerita rekaan berdasarkan jantina	53
4.11	Jadual rujuk silang pembacaan buku cerita teladan berdasarkan jantina	54
4.12	Min umum bacaan dalam kalangan responden	55

4.13	Perbandingan bacaan berdasarkan min jantina	56
4.14	Perbandingan bacaan mengikut lokasi sekolah	57
4.15	Perbandingan bacaan mengikut kumpulan belajar	58
4.16	Perbandingan kekerapan membaca antara kumpulan belajar	59
4.17	Persepsi Umum Murid Terhadap Program Nilam	60
4.18	Persepsi Murid Terhadap Program Nilam Berdasarkan Jantina	61
4.19	Persepsi Murid Terhadap Program Nilam Berdasarkan Lokasi Sekolah	62
4.20	Persepsi Murid Terhadap Program Nilam Berdasarkan Kumpulan Belajar	63
4.21	Respons Umum Murid Terhadap Program Nilam	65
4.22	Respons Murid Terhadap Program Nilam Berdasarkan Perbezaan Jantina	66
4.23	Respons Murid Terhadap Program Nilam Berdasarkan Perbezaan Lokasi Sekolah	69
4.24	Respons Murid Terhadap Program Nilam Berdasarkan Perbezaan Kumpulan Belajar	71
4.25	Impak Umum Program Nilam Kepada Murid	74
4.26	Impak Program Nilam Kepada Murid Berdasarkan Perbezaan Jantina	74
4.27	Impak Program Nilam Kepada Murid Berdasarkan Perbezaan Lokasi Sekolah	76
4.28	Impak Program Nilam Kepada Murid Berdasarkan Perbezaan Kumpulan Belajar	77

SENARAI RAJAH

No. Rajah

2.1 Pendekatan Program Nilam

Muka Surat

14

SENARAI SINGKATAN

BTP Bahagian Teknologi Pendidikan

PKG Pusat Kegiatan Guru

PSS Pusat Sumber Sekolah

RP Rakan Pembaca

p Paras signifikan

r Pekali kolerasi

F Frekuensi

% Peratus

< Kurang daripada

>  05-4506832  pustaka.upsi.edu.my Lebih daripada

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) merupakan satu program yang dirancang dan dilaksanakan di sekolah-sekolah sama ada di sekolah rendah dan juga di sekolah menengah. Program ini bertujuan membolehkan para pelajar menjalankan aktiviti pembacaan di sepanjang tahun. Program ini telah diperkenalkan di sekolah-sekolah bermula tahun 1999. Ia dilaksanakan berpandukan kepada arahan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.13/1998 bertarikh 22 Mei 1988.

Program Nilam merupakan program yang terancang dan berterusan di semua sekolah di Malaysia. Selain meneruskan program yang telah sedia ada, sekolah dikehendaki menyediakan program baru berdasarkan keupayaan dan kesesuaian fizikal dan sebagainya.

1.2 Pernyataan Masalah

Program NILAM ini suatu usaha amat baik bagi memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar terutamanya di sekolah. Hasil daripada Laporan Bahagian Teknologi Pendidikan 2003, telah didapati beberapa masalah dalam pelaksanaan program tersebut di sekolah, iaitu:

- a- Bilangan bacaan dalam kalangan murid rendah.
- b- Penglibatan murid dalam menjayakan Program Nilam adalah tidak menyeluruh.

Selain itu, fenomena kurangnya dorongan daripada ibu dan bapa yang diterima oleh kebanyakan murid untuk mereka mengikuti Program Nilam sama ada di sekolah mahupun di rumah. Faktor ini merupakan penyumbang sebahagian besar kepada hasil kajian yang telah dijalankan oleh BTP pada 2003 itu. Kekangan masa juga turut berperanan terhadap kesan pembacaan yang tidak menggalakkkan dalam kalangan murid. Perkara sedemikian berlaku kerana murid dikehendaki terlalu menumpukan sukanan pelajaran di dalam kelas. Berdasarkan beberapa dapatan kajian terdahulu berhubung amalan membaca dalam kalangan masyarakat, pengkaji tertarik untuk meninjau dan mengkaji kelancaran pelaksanaan Program Nilam dalam kalangan murid Tahun Lima di sekolah rendah di daerah Bentong.

1.3 Objektif Kajian

Kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik ini mengkhusus kepada sasarannya iaitu murid-murid Tahun Lima di empat buah sekolah rendah di daerah Bentong. Berdasarkan laporan yang dilakukan pihak Bahagian Teknologi Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia 2003 terhadap amalan membaca yang rendah,

penyelidik akan membincangkan pelaksanaan Program NILAM di sekolah yang dipilih berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

- a. Mengkaji bilangan atau peratusan murid yang mencapai Tahap Nilam sejak mereka mengikuti Program Nilam.
- b. Meninjau kefahaman murid terhadap pelaksanaan Program Nilam di sekolah.
- c. Meninjau genre bacaan yang paling popular dalam kalangan murid di sepanjang pelaksanaan Program Nilam.
- d. Mengkaji kesan pelaksanaan Program Nilam terhadap amalan membaca murid di sekolah rendah.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini akan menjawab soalan-soalan berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan.

Oleh itu, soalan yang berikut dikemukakan :

 05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan kajian pertama :

Sejauh manakah murid-murid memanfaatkan buku-buku Program Nilam di sekolah?

Soalan kajian kedua :

Sejauh manakah murid-murid memahami tujuan pelaksanaan Program Nilam di sekolah?

Soalan kajian ketiga :

Bagaimanakah murid melibatkan diri dengan Program Nilam dilaksanakan di sekolah?

Soalan kajian keempat :

Sejauh manakah Program Nilam yang dijalankan di sekolah memberi kesan kepada amalan membaca dalam kalangan sampel?

1.5 Kepentingan Kajian

Setelah lebih sedekad lamanya Program Nilam ini dilaksanakan, namun penerimaan murid khususnya di sekolah rendah masih belum lagi menampakkan kejayaan yang dibanggakan. Bilangan murid yang menerima pengiktirafan di peringkat sekolah, daerah, negeri hatta di peringkat kebangsaan sekali pun adalah begitu kecil berbanding jumlah mereka yang berada di sekolah.

Justeru itu, pengkaji memilih kumpulan sampel daripada Tahun Lima atas beberapa perkara yang dipertimbangkan. Antaranya, kumpulan murid ini tidak berhadapan tekanan untuk menghadapi peperiksaan besar seperti Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) berbanding murid-murid Tahun Enam. Keduanya, kumpulan murid ini punya masa yang terluang untuk mereka melaksanakan Program Nilam dengan jayanya. Selain itu, guru-guru mata pelajaran sama ada subjek Bahasa Melayu mahupun Bahasa Inggeris dapat memberikan kerjasama dan juga bimbingan kepada murid-murid untuk melaksanakan Program Nilam ini.

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meninjau sejauh manakah Program Nilam yang dilaksanakan di sekolah-sekolah berkenaan memberikan manfaat kepada kumpulan sampel yang terlibat. Selain itu, kajian ini juga meninjau genre bacaan yang menjadi pilihan utama kumpulan tersebut. Faktor-faktor lain seperti peranan guru dan juga keluarga juga turut dikaji bagi tujuan kejayaan program ini mencapai objektifnya. Adalah menjadi harapan pengkaji bahawa kajian ini dapat memberikan input kepada pihak yang terlibat dalam merancang dan melaksanakan program ini di sekolah. Bersandarkan kajian ini, murid-murid diharapkan agar berusaha meningkatkan bilangan bacaan mereka menerusi Program Nilam yang dilaksanakan di sekolah mereka.

Selain murid-murid, pihak yang bertanggung jawab mengendalikan Program Nilam ini di sekolah; seperti guru media dan guru-guru mata pelajaran mengambil usaha yang proaktif untuk merancang perjalanan program ini dengan lebih teliti. Seterusnya, perancangan program yang teliti tersebut akan mampu menghasilkan pelaksanaan program mantap dan dapat mencapai objektifnya sebagaimana digarapkan. Begitu juga peranan dan sokongan daripada pihak Pusat Kegiatan Guru yang merupakan organisasi yang bertanggungjawab secara langsung terhadap pelaksanaan Program Nilam di sekolah.

Kajian ini juga diharapkan akan menjadi signifikan kepada pihak pengurusan sekolah khususnya dalam memperuntukkan kewangan terhadap pembelian buku-buku rujukan dan juga bacaan untuk murid-murid di perpustakaan. Pihak sekolah boleh memberikan perhatian kepada genre bacaan yang menjadi tumpuan murid-murid. Dengan demikian, bilangan buku yang disediakan berupaya menampung permintaan daripada murid-murid yang mahu meminjamnya.

1.6 Batasan Kajian

Kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji terarah kepada kumpulan murid yang berada dalam Tahun Lima sahaja. Bagi tujuan mendapatkan butiran dan maklumat, pengkaji menggunakan soalan kaji selidik sebagai instrumen.

Selain itu, kajian ini juga hanya akan melibatkan seramai 120 murid sahaja yang berada di Tahun Lima dari empat buah sekolah yang terpilih. Empat buah sekolah yang dipilih itu terdiri dua kumpulan yang seimbang iaitu Bandar dan Luar Bandar. Walaupun soal selidik akan dijalankan terhadap kumpulan sampel yang terpilih itu nanti, harus juga dipertimbangkan akan kesahihan dan juga ketepatan maklumat yang akan diterima.



Perkara ini memandangkan bahawa murid-murid daripada Kumpulan Potensi sering kali bersikap kurang serius terhadap kerja-kerja yang diberikan kepada khususnya alat kajian yang diberikan kepada mereka. Di samping itu juga, soal selidik tersebut diurus tadbir oleh Guru Media dari setiap sekolah yang dipilih. Perkara sebegini akan menjadikan maklumat dan data yang diperoleh diterima secara tidak tepat.

1.7 Definisi Operasional

Beberapa istilah yang akan digunakan dalam kajian ini diuraikan seperti dalam sub topik di bawah ;

1.7.1 Respons

Merujuk kepada sebarang perlakuan anggota badan yang dapat dilihat dan difahami daripada individu terhadap orang lain bagi menyatakan atau mengembalikan maksud atau isyarat terhadap soalan yang diutarakan.

1.7.2 Guru Pelaksana

Merujuk kepada guru yang bertanggungjawab melaksanakan Program Nilam di sekolah. Guru-guru tersebut merupakan guru kelas dan juga guru mata pelajaran seperti Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris atau sebagainya.

1.7.3 Tahap Jauhari

Tahap Jauhari merupakan tahap pertama dalam pelaksanaan Program Nilam. Pada peringkat ini, kemahiran membaca dibina dan dipupuk supaya menghasilkan satu tabiat. Semua murid diwajibkan mengikuti galakan membaca yang dirancang dan dijalankan oleh pihak PSS di sepanjang tahun.



1.7.4 Tahap Rakan Pembaca

Tahap Rakan Pembaca merupakan tahap kedua bagi tujuan membantu meningkatkan penyertaan murid dalam program gerakan membaca. Tahap ini akan berlaku sekiranya tahap pertama telah dapat disempurnakan. Tahap Rakan Pembaca memberi penekanan kepada kebolehan dan keupayaan murid menarik minat murid lain untuk membaca. Semua murid layak menyertai skim galakan ini sekiranya mereka telah pun menyelesaikan 100 buah buku.

1.7.5 Kefahaman

Kefahaman bermaksud keupayaan seseorang untuk memahami perkara yang dibaca. Abd Aziz Abd Talib (1993), berpendapat bahawa kefahaman adalah aspek paling penting dalam membaca (mentafsir pemikiran penulis, memahami bahan bertulis atau menyebut maklumat dari teks).

Marohaini Yusoff (1999), pula berpendapat bahawa kefahaman merujuk kepada keupayaan menuju, mentafsir dan menilai sesuatu berkaitan dengan perkara atau apa yang dibaca.

Menurut Frank Smith (1978), berpendapat bahawa bacaan kadang-kadang memberi makna ‘kefahaman’ dan kadang-kala tidak. Pendapat Frank Smith ini merujuk kepada tahap ‘kefahaman’ pembaca itu. Hinggakan pada suatu tahap, pembaca sekadar membaca apa yang tertulis, sebaliknya tidak memahami apa yang dibaca.

1.7.6 Membaca

Berdasarkan Frank Smith (1978), proses membaca ialah proses komunikasi kerana dengan perlakuan membaca, berlaku pertukaran idea antara pengarang dan pembaca. Seseorang dikatakan gagal membaca sekiranya tidak dapat memahami mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang.

Harris & Sipay (Marohaini Yusoff, 1999), menyatakan bahawa proses membaca sebagai suatu proses untuk memperolehi tafsiran yang bermakna tentang lambang-lambang bercetak / bertulis. Goodman (1970), berpendapat membaca ialah proses seseorang membina semula mesej yang dienkod oleh penulis dalam bahasa yang bertulis.

1.7.8 Kefahaman Membaca

Kefahaman membaca membawa maksud kemampuan untuk memahami. Frank Smith (1978), menyatakan bahawa kefahaman membaca ialah memahami apa yang dibaca serta dikuatkan dengan faktor-faktor pengetahuan sedia ada yang turut sama berperanan dalam kesahaman membaca seseorang.

Davis (Siti Hajar Abd Aziz, 1998), pula berpendapat ianya merupakan kebolehan untuk memahami bahan yang dibaca secara senyap bergantung kepada sebahagian besar kepada pengetahuan pembaca tentang makna perkataan dan kebolehan membuat taakulan secara lisan atau tulisan.

1.8 Kesimpulan

Program Nilam merupakan satu usaha bagi menggerakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia secara amnya. Budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia tidak akan terlaksana sekiranya program yang sebegini rupa tidak dapat dilaksanakan dengan secara berkesan. Justeru, amat wajarlah sekiranya program ini mendapat respons yang membanggakan dan juga perhatian daripada murid sekolah rendah khususnya mereka yang berada di Tahun Lima. Perkara yang diharapkan daripada pelaksanaan program ini secara berkesan akan dapat mewujudkan golongan murid yang suka mengamalkan tabiat membaca dengan baik.